



Rujukan Kami : JPA.600-5/4/50(13)
Tarikh : 9 Februari 2024

Seperti Senarai Edaran

Tuan / Puan,

URUSAN PEMANGKUAN BAGI SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL DAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL, PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan / puan berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam proses persediaan urusan pemangkuan bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) dan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (Pem. PLV). Sehubungan dengan itu, PPLV dan Pem. PLV yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan mengikut urusan berikut:

- 2.1 Pemangkuan dari Gred DV36 ke Gred DV38;
- 2.2 Pemangkuan dari Gred DV29/30 ke Gred DV36; dan
- 2.3 Pemangkuan dari Gred DV19 ke Gred DV22

3. Untuk makluman tuan / puan, keterangan berhubung syarat-syarat permohonan, prosedur dan proses kerja serta borang permohonan disertakan di **Lampiran 1, Lampiran 2, Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D.**

..2/

4. Calon yang memohon juga hendaklah **bersedia dan sanggup menerima pertukaran sekiranya berjaya ditawarkan pemangkuan** untuk mengisi kekosongan semasa di lokasi yang berkenaan. Berdasarkan **Perkara 36 dalam MyPPSM UP.3.1.1**, Lembaga boleh mengenakan **penalti** kepada pegawai yang **menolak tawaran pemangkuan** dengan **tidak menimbangkan pemangkuan** pegawai tersebut bagi **tempoh enam (6) bulan** dari tarikh surat penolakan/ tarikh melaporkan diri yang ditetapkan **atau satu urusan**, mana yang terkemudian.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan pemangkuan ini adalah pada **8 Mac 2024 (Jumaat)**. Semua permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada JPA melalui Pengurusan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan.

6. Pihak tuan / puan dimohon untuk menghebahkan perkara ini kepada semua pegawai yang berkenaan dan memastikan **hanya permohonan daripada calon yang memenuhi syarat sahaja dikemukakan** ke Jabatan ini. Selain itu, semua maklumat yang dikemukakan hendaklah disemak dan disahkan tepat berdasarkan Buku Rekod Perkhidmatan pegawai yang terkini. **Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan.** Permohonan yang **lewat diterima atau tidak lengkap** dengan dokumen yang diperlukan **tidak akan diproses.**


7. Kerjasama pihak tuan / puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan

b.p. : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my

Senarai Edaran:

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Hidayatul Shuhaida binti Kamarudin)

2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Ahmad Tarmizi bin Zakaria)

3. Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 12, Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nik Noraini binti Nik Ya)

4. Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Rai'dah binti Mohd Yaman)

5. Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia
Aras 9, Setia Perkasa 3, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan)

6. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 10, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Jalil Husni bin Yahaya)